



Kedai-Buku.com | Gedung Buku Online Malaysia | Malaysia Online Book Store

Kedai-Buku.com

AP Hey! Mr Spotlight

RM 24.00

Tajuk : Hey! Mr Spotlight
Pengarang : Izma Qahiera
Penerbit : Anaasa Publication
ISBN : 978-967-0870-12-0
Status Stok : ADA

Bujang tapi "not available"™. Meletakkan status seolah dirinya sudah mempunyai walaupun sebenarnya dia belum ada teman istimewa. Yang ada hanyalah cinta lama yang hilang entah ke mana. Azraf Hamidi. Di hatinya sudah tertulis satu nama. Raisya Azzahra aka budak lesung. Setelah lapan tahun berlalu, budak lesung ni muncul semula tetapi tidak mengenalnya. Mustahil! Kalau diikuti wajahnya tak banyak berubah. Masih lagi kacak. Bergaya. Kenapa Raisya tak kenal dia? Hati mula tak senang.

"Ini sayalah, Azraf. Takkan tak kenal?" "Azraf"

"Ooo... Okey... Kenal." "Raisya"

"Yes!" "Azraf"

"Encik Azraf ni bos Syarikat Pemadam Api Ghazali Enterprise ni, kan?" "Raisya"

Bermula dari situ, pelbagai cara dia buat untuk pastikan ingatan Raisya kepadanya kembali pulih. Semua tidak berhasil. Satu idea nakal mula dibentangkan pada ibunya.

Setuju! Ikatan pertunangan antara Azraf dan Raisya telah dimeterai. Tetapi dengan syarat, Raisya tidak perlu tahu siapa dia encik tunangnya. Hati Raisya mula gundah gulana. Dia pula yang gunakan bermacam akal fikiran untuk putuskan pertunangan. Kerana di hatinya juga tertulis satu nama. Azraf Hamidi.

"Betul ke Raisya kata nak pedajalkan kau?" "Puan Diana"

"Dia tak cakap nak pedajalkan orang. Dia cakap nak kenakan bakal tunang dia..." "Azraf"

"Bakal tunang dia siapa?" "Puan Diana"

"Azraf Hamidi." "Azraf"

"Siapa tu?" "Puan Diana"

"Oranglah! Apa mak ni? Anak sendiri pun dah tak kenal ke?" "Azraf"

Dalam huru-hara itu, akhirnya mereka disatukan. Tersenyum lebar kedua mempelai kerana cinta mereka akhirnya ke jenjang pelamin. Namun, Azraf mula berkerut dahi bila yang dikahwini itu adalah anak emak!

Mampukah dia mengemudi rumahtangga yang dibina bila ibu dan ibu mertuanya mula membuat aturan sendiri? Dapatkan Raisya menyesuaikan diri dalam keadaan kacau bilau itu? Itulah yang dia akan lalui bila dia sudah jatuh cinta pada silau Mr Spotlight!

[Vendor Information](#)

There are yet no reviews for this product.

Please log in to write a review.